

12 syarikat penternak bakal dikenakan tindakan

KUALA LUMPUR 19 Mac - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan mengambil tindakan terhadap 12 syarikat penternakan yang gagal mengusahakan sepenuhnya tanah pertanian moden seluas 2,023 hektar di Kluang, Johor.

Menterinya, Datuk Seri Noh Omar berkata, syarikat-syarikat berkenaan sebelum ini telah berjanji untuk mengusahakan tanah tersebut dengan sebaiknya termasuklah membangunkan ladang ternakan yang mampu menampung serta membiak beribu ekor haiwan ternakan.

Bagaimanapun beliau kecewa setelah mendapat ia tidak diusahakan sepenuhnya ketika turun padang

untuk memantau perkembangan semasa tanah milik kementerian itu.

"Projek ini telah berlangsung selama lima tahun. Tetapi setelah saya turun padang memantau perkembangan terkini, saya kecewa kerana mendapati hanya ada 300 ekor kambing sahaja di ladang seluas 2,023 hektar berkenaan.

"Ini merupakan sesuatu yang amat merugikan kerana tanah luas tidak digunakan sebaiknya seperti dijanjikan. Berdasarkan perjanjian,



NOH OMAR

kami tidak boleh mengambil semula bahagian tanah yang diagihkan kepada 12 syarikat itu tetapi memandangkan ia merugikan, kami akan membawa perkara ini ke Kabinet bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil.

"Selain itu, kami juga akan memberi tawaran mengusahakan bahagian tanah yang tidak digunakan sepenuhnya itu kepada golongan yang betul-betul mahu mengusahakannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada si-

dang akhbar selepas menghadiri majlis penyerahan input Projek Penggerak Ekonomi (EPP) 13, Cluster Tenusu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, di sini hari ini.

Seramai 210 penternak lembu tenusu menerima sijil input EPP untuk meningkatkan produktiviti tenusu masing-masing.

Dalam pada itu, Noh turut menggesa koperasi-koperasi tenusu di negara ini bergabung dan menukuhkan sebuah koperasi tenusu di peringkat kebangsaan.

Katanya, sukar untuk kementerian menyalurkan dana serta bantuan kepada pengusaha ladang tenusu di seluruh negara kerana tiada

satu badan atau agensi khusus yang bertanggungjawab menjaga kebijakkannya.

"Apa yang ada hanyalah koperasi tenusu di peringkat negeri. Sukar untuk kami salur dana serta bantuan, sekiranya kami beri pada koperasi di Melaka, nanti koperasi di Johor pula kata mereka tidak dapat.

"Justeru itu, saya menggesa pengusaha-pengusaha ini berbincang dan menukuhkan sebuah koperasi yang bertanggungjawab menguruskan hal ehwal tenusu. Kalau ia berjaya dilakukan, peruntukan akan terus disalurkan kepada koperasi dan tidak perlu melalui syarikat induk," jelasnya.